



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**KAJIAN TERHADAP PERBEZAAN FILEM KOMEDI OLEH  
TIGA PENGARAH : A. RAZAK MOHAIDEEN, AZIZ M. OSMAN  
DAN AFDLIN SHAUKI**

Mohd Hafizan Bin Mohamed Hassan

N  
7433.93  
M952  
2007

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Sinematografi)  
2007



UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL : **Kajian Terhadap Perbezaan Filem Komedi Oleh Tiga Pengarah:  
A. Razak Mohaideen, Aziz M. Osman Dan Afdlin Shauki**

**SESI PENGAJIAN 2006/2007**

Saya **Mohd Hafizan Bin Mohamed Hassan**

mengaku membenarkan tesis/ Laporan \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik,  
Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/ Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/ laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. \*sila tandakan

- |                                     |              |  |
|-------------------------------------|--------------|--|
| <input type="checkbox"/>            | SULIT        | (mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972) |
| <input type="checkbox"/>            | TERHAD       | (mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)      |
| <input checked="" type="checkbox"/> | TIDAK TERHAD |  |

Disahkan

Tandatangan Penulis

Tarikh: 7/12/07

Alamat Tetap:  
No.12, Kg. Changkat Belengkor,  
31000, Batu Gajah, Perak

Tandatangan Penyelia

Tarikh:

Catatan: \* Tesis/ Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda  
\* Jika Tesis/ Laporan SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/ laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk '**Kajian Terhadap Perbezaan Filem Komedi Oleh Tiga Pengarah: A. Razak Mohaideen, Aziz M.Osman Dan Afdlin Shauki**' telah disediakan oleh **Mohd Hafizan Bin Mohamed Hassan** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian Sinematografi.

Diterima untuk diperiksa oleh:

---

Abdul Riezal Dim

Tarikh:

---

## **PENGHARGAAN**

Di kesempatan ini, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia projek tahun akhir saya yang terlibat. Terima kasih di atas segala kerjasama yang tidak terhingga, dorongan serta bimbingan dalam membantu saya serta memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang menyiapkan projek ini. Tidak ketinggalan kepada pensyarah-pensyarah Sinematografi serta Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif (FSGK) di atas kerjasama dan dorongan secara tidak langsung yang diberikan kepada saya. Serta terima kasih kepada staf-staf FSGK yang turut memberikan sokongan dan bantuan yang telah memudahkan lagi saya menjalankan kajian saya ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga saya terutama kedua orang tua saya yang sentiasa memberikan sokongan yang berterusan kepada saya sepanjang menyiapkan projek ini serta nasihat yang diberikan kepada saya bagi meneruskan usaha untuk menyiapkan projek ini. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada sahabat-sahabat seperjuangan di atas bantuan, tunjuk ajar serta nasihat yang diberikan kepada saya. Tanpa bantuan daripada anda semua, sukar untuk saya menyiapkan projek ini. Sekian, terima kasih.

## KANDUNGAN

<b>BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN</b>	i
<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>KANDUNGAN</b>	iv-vi
<b>ABSTRAK</b>	vii
<b>ABSTRACT</b>	viii
<b>BAB 1</b>	
<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Kenyataan Masalah	1-2
1.3 Objektif Kajian	2
1.4 Skop Kajian	2
<b>BAB 2</b>	
<b>ANALISIS KARYA</b>	
2.1 Pengenalan	3
2.2 Sejarah Perkembangan Filem Komedi	3-4
2.3 Jenis-jenis Komedi	4-5
2.4 Kajian Artikel	6-9
2.5 Struktur Naratif	9-10
2.6 Tema	10-11
2.7 Plot	11
2.8 Contoh Perkembangan Plot	12

Rajah 1	12
2.9 Watak	12-13
<b>BAB 3</b>	
<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Kajian Kualitatif	14
3.2 Sampel Kajian	14
3.3 Hasil Kajian	15-16
3.4 Kesimpulan	16
<b>BAB 4</b>	
<b>ANALISIS FILEM</b>	
4.1 Pengenalan	17
4.2 Sinopsis Filem Anak Mami Kembali	17
4.3 Sinopsis Filem Lagi Lagi Senario	17-18
4.4 Sinopsis Filem Baik Punya Cilok	18
4.5 Naratif Filem Anak Mami Kembali	18-19
4.6 Naratif Filem Lagi Lagi Senario	19
4.7 Naratif Filem Baik Punya Cilok	20
4.8 Analisis Watak	20-21
4.9 Analisis Mise en scene	21
4.10 Analisis Shot dan Angel	22
4.11 Perkembangan Plot Anak Mami Kembali	23
4.12 Perkembangan Plot Lagi Lagi Senario	23
4.13 Perkembangan Plot Baik Punya Cilok	24

Rajah 2	23
Rajah 3	23
Rajah 4	24
4.14 Kesimpulan	25
<b>BAB 5</b>	
<b>PROJEK TAHUN AKHIR</b>	
5.1 Poster Projek Tahun Akhir	26
Rajah 5	26
5.2 Sinopsis	26
5.3 Treatment	26-28
5.4 Perkembangan Plot Insaf	28
Rajah 6	28
5.5 Kesimpulan	29
<b>Bibliografi</b>	30-31

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti perbezaan yang terdapat pada filem-filem arahan A. Razak Mohaideen, Aziz M.Osman dan Afdlin Shauki. Ciri-ciri perbezaan tersebut termasuklah dari segi tema, plot, naratif, watak, cara yang diterapkan (kamera, shot) dan penyuntingan. Pengkaji mengkaji berdasarkan buku-buku yang berkaitan, jurnal, artikel dan menonton filem-filem mereka. Setelah diteliti, memang terdapat perbezaan di antara ketiga-tiga pengarah tersebut dalam menghasilkan karya masing-masing. Perbezaan tersebut termasuklah dari segi struktur naratif, plot, watak, shot, pergerakan kamera dan penyuntingan.



## ABSTRACT

*This research is purposely to identify difference in film directed by A. Razak Mohaideen, Aziz M.Osman and Afdlin Shauki. Types of differences include theme, plot, narrative, character, style that was applied (camera and shot) and editing. Researcher research is based on books, journal, and articles and films sample. After going through this method, there was a difference between those directors in terms of producing films. Differences include narrative structure, plot, character, shot, camera movement and editing style.*

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pengkaji memilih untuk mengkaji perkembangan filem komedi di Malaysia dan menumpukan pada tiga orang pengarah iaitu A. Razak Mohaideen, Aziz M. Osman dan Afdlin Shauki. Tidak dinafikan filem bergenre komedi kurang ditayangkan di layar perak. Jika dilihat pada masa kini, kebanyakannya dihasilkan oleh negara luar seperti Hollywood. Di Malaysia tidak ramai pengarah atau penulis skrip yang berminat dalam filem komedi. Cuma nama yang sering terlibat atau sinonim adalah seperti Aziz M. Osman, A. Razak Mohaideen dan Afdlin Shauki. Nama-nama itulah yang masih memperjuangkan filem bergenre komedi di Malaysia. Namun, yang paling kerap menghasilkan filem komedi ialah A. Razak Mohaideen. Boleh dikatakan dalam setahun hampir tiga hingga lima buah filem yang dapat dihasilkan oleh beliau. Kajian hanya tertumpu pada filem-filem yang diarahkan oleh tiga nama pengarah di atas iaitu A. Razak Mohaideen, Aziz M. Osman dan Afdlin Shauki.

#### **1.2 Kenyataan Masalah**

Industri perfileman di negara ini boleh dianggap sedang berkembang pesat. Namun, kita masih mengharapkan kualiti dari penghasilan setiap filem itu. Pengkaji berpendapat, berdasarkan pemerhatian pengkaji, penonton di negara ini masih gemar menonton filem dari luar berbanding filem negara mereka sendiri. Mereka inginkan sebuah filem yang dapat memuaskan selera mereka. Tidak dinafikan, kebanyakan industri perfileman antarabangsa mempunyai teknologi yang canggih. Mereka dapat hasilkan pelbagai jenis kesan khas bagi menarik para penonton untuk menonton filem mereka. Namun begitu, itu semua bukanlah sebagai ukuran untuk menarik lebih ramai penonton, sebaliknya jika jalan cerita itu menarik serta plot yang dapat memberi penonton untuk duduk menonton sudah mencukupi. Kita yang kekurangan teknologi dan masih belajar, perlulah berdiri di atas kaki sendiri. Gunakanlah kreativiti untuk menghasilkan sesuatu yang baru dan

menarik agar industri perfileman negara kita tidak akan hilang. Bagi filem bergenre komedi, pengarah-pengarah tanah air dilihat dapat menghasilkan sebuah filem komedi tetapi sekiranya komedi yang disampaikan hanya boleh dianggap sebagai komedi slapstik, mungkin sebilangan kecil penonton sahaja yang akan menonton filem tersebut. Oleh itu, pengkaji akan mengkaji bagaimana pengarah-pengarah filem komedi di Malaysia menghasilkan filem mereka. Pengkaji cuba untuk mengenalpasti cara yang mereka gunakan adakah terdapat perbezaannya.

### **1.3 Objektif Kajian**

Filem komedi di negara ini jarang dihasilkan, jika ada pun mungkin dua atau tiga buah sahaja. Mungkin kebanyakan penerbit atau pengarah filem menganggap filem komedi tidak menguntungkan atau menarik minat penonton di Malaysia terutamanya. Pengkaji telah menghadkan kajian kepada mengkaji tiga orang pengarah filem komedi di Malaysia yang masih aktif iaitu A. Razak Mohaideen, Aziz M. Osman dan Afdlin Shauki. Pengkaji akan melihat dari segi perbezaan cara yang digunakan oleh ketiga-tiga pengarah tersebut. Mungkin terdapat banyak perbezaan yang akan dikenalpasti kerana setiap hasil karya mereka adalah berbeza-beza. Masing-masing ada idea yang tersendiri dalam penghasilan filem mereka. Oleh itu, rujukan seperti menonton filem-filem mereka dan mencari bahan-bahan artikel dan jurnal yang berkaitan untuk membantu dalam menyiapkan kajian ini.

### **1.4 Skop Kajian**

Kajian ini adalah tertumpu pada tiga orang pengarah sahaja iaitu A. Razak Mohaideen, Aziz M. Osman dan Afdlin Shauki. Kajian adalah lebih tertumpu pada perbezaan setiap filem-filem yang telah mereka hasilkan. Pengkaji akan cuba untuk mencari perbezaan dari segi tema, plot, watak, cara yang mereka gunakan seperti teknik kamera dan penyuntingan.

## BAB 2

### ANALISIS KARYA

#### 2.1 Pengenalan

Komedi biasanya terbagi kepada dua format iaitu *comedian-led* (jenaka, lakaran, *well-timed gags*) dan *situation-comedies* yang disampaikan menggunakan naratif. Kedua-dua elemen komedi tersebut mungkin saling berkaitan atau *overlap*. Komedi *hybrids* kebiasaannya muncul dengan beberapa *genre* utama seperti *musical-comedy*, *horror-comedy* dan *comedy-thriller*. Komedi juga boleh diklasifikasikan dalam pelbagai *subgenres* seperti *romantic comedy*, *crime/caper comedy*, *sports comedy*, *teen or coming-of-age comedy*, *social-class comedy*, *military comedy*, *fish-out-of-water comedy*, dan *gross-out comedy*. Komedi di dalam Kamus Dewan (1992), bermaksud persembahan yang membuatkan penonton tertawa sama ada di dalam filem, pentas teater dan sebagainya. Ia mesti mengandungi unsur-unsur lucu dan *humor*. (Filmsite, 2000)

#### 2.2 Sejarah Perkembangan Filem Komedi

Antara filem pertama yang telah dihasilkan ialah dengan menggunakan *kinetoscope* ciptaan Thomas Edison bersama pembantunya Fred Ott dalam *Record of a Sneeze*. Ini merupakan persembahan pertama yang mengandungi elemen komedi. Filem komedi mula menjadi penting pada era filem tanpa bunyi sebelum 1930an lagi. Mereka mula tertumpu pada unsur lucu yang dipaparkan di visual termasuk unsur slapstik dan ejekan. Komedi pendek yang pertama ialah *Watering the Gardener* pada tahun 1895 oleh adik-beradik Lumiere. Pelakon-pelakon yang terkenal pada era tersebut termasuklah Charlie Chaplin, Buster Keaton dan Harold Lloyd. (Wikipedia, 2006)

Pada akhir tahun 1920an, bunyi telah diperkenalkan dalam filem. Ini telah menghasilkan pelbagai jenis filem dengan gaya tersendiri dan menggunakan komedi lisan. Pada 1930an, filem komedi tanpa bunyi telah digantikan dengan filem komedi yang berdialog seperti W.C. Fields dan adik-beradik Marx. Namun, sesetengah studio masih suka menggunakan elemen filem tanpa bunyi tetapi pada

tahun 1928 hampir semua filem telah dihasilkan mengandungi bunyi. Filem komedi Charlie Chaplin masih mengekalkan tanpa dialog pada 1930an dan hanya menggunakan kesan bunyi sahaja dalam filem.

Pada 1940an, Perang Dunia Kedua telah mula di Amerika Syarikat. Hollywood pada masa itu lebih tertumpu pada tema yang berkaitan konflik peperangan. Unsur-unsur peperangan turut diselitkan dalam filem komedi. Pelawak yang terkenal pada masa itu termasuklah Bing Crosby, Bob Hope dan Danny Kaye. Setelah terciptanya televisyen, ia menjadi popular dengan cepat. Pada tahun 1948, televisyen menjadi komersil dan beberapa tahun seterusnya beratus-ratus transmisi televisyen telah dihasilkan di bandar Amerika. (Wikipedia, 2006)

Di Tanah Melayu dahulu juga terdapat beberapa filem komedi dan yang paling popular adalah filem lakonan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Pada masa itu, era studio sangat terkenal dan memberi pulangan yang menguntungkan. Antara studio yang pernah dibina ialah Shaw Brothers dan Studio Malay Film Production. Selain itu, filem-filem komedi adalah seperti *Bujang Lapok*, *Seniman Bujang Lapok*, *Ali Baba Bujang Lapok*, *Panglima Bujang Lapok*, *Nujum Pak Belalang* dan sebagainya. Sehingga kini filem komedi di Malaysia terus berkembang dan terdapat pengarah yang berbeza. (Berita Harian, 2006)

### 2.3 Jenis-jenis Komedi

Sebenarnya terdapat banyak jenis atau bentuk komedi antaranya *slapstick*, *deadpan*, *verbal comedy*, *screwball* dan *black/dark comedy*. Komedi *slapstick* pada awal era filem bisu, ketika itu mereka tidak memerlukan bunyi untuk menarik penonton. Perkataan *slapstick* tercipta daripada batang kayu yang dipegang oleh badut-badut pada ketika itu dan bertepuk tangan bersama-sama tepukan penonton. Komedi jenis ini selalunya mengandungi unsur fizikal, kasar, ganas, aksi visual termasuk kecederaan dan kesakitan. Antaranya, lempar pie dimuka, lari dari berlanggar dengan kereta, jatuh ke dalam laut dan kain skirt terlonggar. Ia merupakan filem-filem dari *Laurel and Hardy*, *Abbott and Costello*, *W. C. Fields* dan *The Three Stooges*. Selain itu, filem-filem lain adalah seperti *A Shot in the*

*Dark* (1964), *Ace Ventura, Pet Detective* (1993) dan *The Mask* (1994). Kartun juga mengandung unsur *slapstick* seperti *Roadrunner and Wile E. Coyote*. (Filmsite, 2000)

*Deadpan* merupakan bentuk komedi yang boleh diambil contoh dari hero komik Buster Keaton (*the expression-less face of stoic*). *Verbal comedy* pula merupakan bentuk komedi yang klasik oleh W. C. Fields, sindiran seksual Mae West dan dialog yang tidak masuk akal dalam filem-filem Marx Brothers. *Screwball comedies* adalah *sub-genre* dari filem komedi romantik dan muncul pada pertengahan 1930-an hingga pertengahan 1940-an. Perkataan *screwball* menggambarkan kegilaan, keanehan, melucukan serta perlakuan yang tidak menentu. Filem-filem begini menggabungkan *slapstick*, sandiwara pelawak dan dialog jenaka yang dapat menggambarkan sesebuah filem itu berpengalaman dan pintar. Kebiasaannya, ia menceritakan tentang jatuh cinta, cerita romantik, lebih berpengalaman dan lebih tertumpu pada perebutan diantara satu sama lain. Mereka biasanya memasukkan sedikit unsur *slapstick*, *wacky characters*, *cross-dressing*, *rapid-fire*, *wise-cracking dialogue* dan *one-liners reflecting sexual tension*. (Filmsite, 2000)

Antara para pelakon *screwball comedies* termasuklah Katharine Hepburn, Barbara Stanwyck, Claudette Colbert, Jean Arthur, Irene Dunne, Myrna Loy, Ginger Rogers, Cary Grant, William Powell dan Carole Lombard. Beberapa filem *screwball comedies* ialah *The Awful Truth* (1937), *Bringing Up Baby* (1938), *I Was a Male War Bride* (1949) dan *The Lady Eve* (1941).

*Black* atau *dark comedy* merupakan gelap, *sarcastic*, melucukan atau cerita yang sengit. Ia dapat menolong kita memeriksa sama ada ia sebuah cerita yang serius, subjek pesimistic seperti peperangan, kematian dan kecederaan. Terdapat dua buah filem *black comedy* terbaik yang pernah dihasilkan iaitu *Dr. Strangelove or: How I Learned to Stop Worrying and Love the Bomb* (1964) oleh Stanley Kubrick dan *Fargo* (1996) oleh Coen Brothers'. Selain itu, terdapat juga filem-filem lain seperti *Prizzi's Honor* (1985), *Beetlejuice* (1988) dan *Very Bad Things* (1998). (Filmsite, 2000)

## 2.4 Kajian Artikel

Filem komedi *Buli* arahan Afdlin Shauki merupakan sebuah filem komedi yang boleh dianggap berjaya. Sebuah artikel oleh Nizam Zakaria (2005), Kakiseni, *Filem Buli arahan Afdlin Shauki merupakan komedi yang secara dengan filem-filem Stephen Chow*. Artikel tersebut ada menyatakan Yasmin Ahmad telah mengirimi SMS kepada penulis bahawa filem tersebut merupakan filem Bahasa Malaysia paling kelakar yang pernah ditontonnya (Yasmin Ahmad) selepas filem *Pendekar Bujang Lapok*. *Buli* juga adalah komedi yang cerdik dan tidak cuba membodohkan para penonton. Artikel itu juga ada menyatakan terdapat banyak adegan-adegan yang tidak logik dalam filem tersebut. Namun katanya (penulis), 'tak kan kita pergi mencari logik dalam komedi'. Selain itu, penulis turut menulis bahawa gaya Afdlin Shauki lebih kurang sama dengan filem-filem tak masuk akal Stephen Chow.

Dalam sebuah lagi artikel yang ditemui pengkaji, ditulis oleh A. Wahab Hamzah (1999, Jun 11) Utusan Online, *Senario popular di TV dan di filem* menyatakan filem komedi *Senario The Movie* berjaya adalah disebabkan sambutan hebat para peminat kumpulan *Senario* yang hanya bergantung pada populariti mereka (*Senario*) yang telah terkenal di kaca televisyen. Sebelum ini mereka telah mencipta nama di dalam sebuah rancangan televisyen yang bertajuk *Senario* di TV3. Artikel tersebut turut menulis bahawa *Senario* menggunakan lawak *slapstick* mereka dalam filem itu. Walaupun *Senario* sudah terkenal di seluruh Malaysia, namun jalan cerita filem itu kurang menarik dan ini bukanlah filem arahan Aziz M. Osman yang terbaik. Di perenggan yang terakhir, penulis ada menyatakan di dalam artikel tersebut adakah kejayaan sesebuah filem itu bergantung pada populariti para pelakon atau kekuatan sebagai sebuah filem?

Sebuah artikel oleh A. Wahab Hamzah (2000) *Senario Lagi komedi slapstick terkawal* menyatakan bahawa filem *Senario Lagi* merupakan komedi *slapstick* yang terkawal. Unsur-unsur lawak *slapstick* kumpulan *Senario* telah lama mereka buat ketika di rancangan televisyen lagi. Faktor ini telah membiasakan mereka sehingga dibawa ke dalam filem. Selain itu, penulis berkata jalan cerita pada filem ini lebih mudah difahami. Terdapat juga adegan-adegan tidak logik yang sengaja dibuat

oleh pengarahnya, Aziz M. Osman. Turut diselitkan nyanyian lagu ala Hindustan di dalam filem tersebut (*Senario Lagi*).

Selain itu, sebuah artikel yang berbeza tetapi filem yang sama *Senario Lagi*, oleh Hardi Effendi Yaacob & Hanisah Selamat (2000) *Senario Lagi tidak mengecewakan...* turut menulis pendapat yang seakan sama dengan A. Wahab Hamzah. Artikel ini menulis tentang jalan cerita yang teratur dan terdapat unsur-unsur yang tidak logik dalam filem tersebut. Terdapat juga nyanyian lagu Hindi serta tarian yang menarik. Turut diselitkan adegan-adegan mimpi serta khayalan oleh watak-watak dalam filem tersebut. Pengarah juga menggunakan kebolehan para pelakon yang sedia ada iaitu wajah yang lucu serta dialog yang spontan.

Selepas Aziz M. Osman mengarah filem *Senario The Movie* dan *Senario Lagi*, beliau telah mengarah sebuah lagi filem iaitu *Lagi Lagi Senario*. Kali ini filem tersebut boleh dianggap matang dari segi jalan ceritanya berbanding sebelumnya. Ini dapat dilihat pada sebuah artikel Ellyna Ali (2001) *Senario lebih matang*. Dalam penulisannya, Ellyna ada menulis ‘... filem *Senario* kali ini lebih berhemah dan mempunyai mesej yang boleh membuatkan penonton ketawa sambil berfikir’. Penulis juga turut menyatakan bahawa filem ini (*Lagi Lagi Senario*) merupakan yang terbaik berbanding kedua-dua filem *Senario* yang pernah diarahkannya sebelum ini. Antara tulisan yang ditulis oleh Ellyna ‘*Lagi Lagi Senario* bukan saja sarat dengan kritikan sosial yang ditampilkan dengan komedi yang berhemah tetapi juga dengan sindiran politik yang membuatkan kita sendiri menilai kedudukan kita sebagai bangsa Melayu pada hari ini’. Boleh dikatakan filem ini bukanlah merupakan lawak bodoh yang tidak mempunyai apa-apa mesej tetapi merupakan satu hasil seni yang berkaitan dengan kisah hidup kita seharian. Banyak nilai moral yang boleh kita perolehi dalam filem ini.

Selain filem *Senario* arahan Aziz M. Osman, terdapat banyak lagi filem komedi di Malaysia. Antara pengarah yang sinonim dengan genre komedi ialah A Razak Mohaideen yang telah berjaya menghasilkan sebanyak 15 buah filem dalam tempoh tiga tahun menurut sumber Berita Harian. Kebanyakan filem arahnya berkaitan dengan kehidupan masyarakat orang Utara iaitu Pulau Pinang. Dialog atau loghat yang digunakan adalah percakapan biasa masyarakat Pulau Pinang.



Sebuah artikel Suzan Ahmad (2005) *Anak Mami Kembali memang best!* menulis bahawa filem arahnya kali ini adalah lebih baik berbanding filem-filem yang sebelumnya. Suzan turut menulis filem ini menarik terutama bagi mereka yang berasal dari Penang kerana ia menggunakan dialog Penang. Selain itu, turut diselitkan babak filem Hindustan dengan sedikit lagu dangdut di pertengahan cerita.

Namun, bukan semua filem komedi arahan A Razak Mohaideen berjaya di layar perak. Terdapat sebuah artikel dari Harian Metro, *Kutipan Main-main Cinta menjadi rekod paling buruk pengarah Prof Madya A Razak Mohaideen* yang menyatakan kutipan filem terbaru arahan Razak yang hanya mencecah RM700,000 dalam tempoh dua minggu tayangan. Sebelum ini, kebanyakan filem-filem komedi arahnya mencatat *box-office* bermula dengan *Anak Mami The Movie*, *Mami Jarum*, *Jutawan Fakir* dan sebagainya. Filem terakhir beliau adalah *Main-Main Cinta* pada bulan Mac tahun 2006.

Sebuah lagi artikel Faisal Tehrani (n. d.) *Naratif Filem Melayu Bangang & Membangangkan?*. Artikel ini berkaitan tentang naratif filem Melayu yang pada masa kini semakin merosot. Kebanyakan naratif filem Melayu semakin membodohkan diri dengan cerita merepek dan merapu. Penulis itu turut menyebut tentang filem komedi *Gila-gila Pengantin* yang pada pendapatnya filem tersebut tidak lengkap sepenuhnya struktur cerita. Filem itu juga merupakan bukan filem yang *original*, katanya. Ia seperti kitar semula filem *You've Got Mail* dan *Run Away Bride* lakonan Richard Gere dan Julia Roberts. Penulis juga ada menulis '... cuma waras sedikit sahaja kalau mahu bercerita...'. Penulis ingin cerita itu logik sedikit.

Secara keseluruhannya, kebanyakan filem komedi mempunyai unsur lawak yang *slapstick*. Ini kita dapat lihat dalam beberapa artikel di atas. Perkataan *slapstick* sering kita dengar dan seakan sinonim dengan genre komedi. Namun, filem arahan Afdlin seperti *Buli* dan *Baik Punya Cilok* pada pendapat pengkaji lebih berisi dan berfikiran intelek. Banyak pengajaran yang ingin disampaikan olehnya dalam filem tersebut. Terdapat satu artikel yang menerangkan apa itu *slapstick* oleh Kurt Vonnegut. Keratan ayatnya mengatakan *...Slapstick is a type of comedy involving exaggerated physical violence....* Selain itu, nyanyian serta tarian ala

Kumpulan, masyarakat dan budaya juga megekalkan maksud naratif tipikal dalam mitos, cerita dongeng, legenda dan sejarah. ( Stephen Denning, *The Springboard: How Storytelling Ignites Action in Knowledge- Era Organizations*. Boston, London, Butterworth Heinemann, October 2000)

Menurut Bordwell dan Thompson 2001,60, naratif merupakan rantaian kejadian yang melibatkan perhubungan sebab dan akibat yang terjadi dalam masa dan ruang. Ianya bermula dengan sesuatu situasi, pertukaran siri berlaku dalam bentuk sebab dan kesan pada penghujungnya dan situasi tersebut berkembang.

*A narrative tells a story. It presents a Unified sequence of events that add up to something. Narrative vs. Argument vs. Description. Connect event by causation, involves inner time (story time)*

(Chatman, 1993: 8)

*Narrative is a chain of event in cause effect relationship occurs in time and space. It begins with situation, a series of changes occurs through a pattern of cause and effect, in the end, a new situation a rises.*

(Bordwell and Thompson, 2001, 60)

Berdasarkan petikan di atas, naratif merupakan penceritaan dan rantaian kejadian dalam perhubungan kesan dan sebab yang berlaku dalam masa dan ruang.

## 2.6 Tema

Tema dan ideologi merujuk kepada pendapat yang berhubung dengan dunia nyata di sebalik cerita dalam dunia khayalan. Membangkitkan persoalan sosial, nilai moral dan psikologikal. Tema juga membantu kita memahami perjalanan sesebuah filem itu dengan lebih baik.

*'The way things are'*

(Chatman 1993:276)

Tema merupakan pendapat yang mempunyai kaitan dengan dunia sebenar di sebalik cerita rekaan. Tema keseluruhan filem yang dikaji adalah merujuk kepada komedi dan lawak yang kadang-kadang kita tidak dapat terima. Namun bagi mendapatkan kelucuan, elemen yang tidak logik itulah yang memainkan peranan penting.


## 2.7 Plot

Plot merujuk kepada jalan cerita. Plot bermula dengan sebab mengapa perkara itu berlaku. Plot merupakan susunan yang mana karektor utama menemui jalan keluar dalam setiap kejadian yang berlaku. Plot yang teratur dapat menarik minat penonton untuk menonton dengan lebih lagi hingga ke akhir cerita. Perkembangan plot merujuk kepada tiga struktur babak utama iaitu babak pertama yang mengandungi permulaan cerita. Pendedahan terhadap mengisahkan siapa, di mana ia berlaku dan apa yang akan terjadi. Babak kedua, pertengahan cerita, karektor menghadapi konflik dan rangkaian halangan yang dihadapinya. Matlamat karektor utama lebih jelas apabila tiba di bahagian ini. Karektor mula melihat penyelesaian dan tahu apa yang hendak dibuat tetapi terdapat halangan yang akan menimpa. Babak ketiga merupakan pengakhiran cerita atau penyelesaian. Di sini, segala masalah yang timbul dapat diselesaikan ataupun sebaliknya.

*The plot of story describes the internal logic or sequence of events that lead the characters from their situations and attitudes at beginning of the problem to their situations and attitudes when the effort to solve the problem is finally over*

(Philips and Huntley, 2002)

## 2.8 Contoh Perkembangan Plot



Rajah 1

- Exposition* merupakan proses dramatik di mana pendedahan kepada informasi kepada penonton mengenai cerita, kejadian, watak dan aksi. Ia menyediakan penonton kepada kerumitan yang akan wujud melalui filem.
- Development (rising action)* menggerakkan penonton ke arah siri aksi yang dipanggil konflik di mana ia cenderung ke arah plot.
- Climax* merupakan puncak penuh emosi yang berada di tingkat tertinggi dalam filem.
- Resolution* pula pergerakan dari konflik mulai kembali ke normal dan pemulihan kesejajaran dalam watak dan merupakan pengakhiran cerita di mana penyelesaian kerumitan dalam plot filem dan menjelaskan misteri keseluruhan drama.

## 2.9 Watak

Menurut Chatman, 1993:58, watak merupakan sesuatu kejadian dalam naratif tidak akan berlaku dengan sendirinya. Seseorang atau sesuatu yang menyebabkan ia berlaku. Aksi plot memerlukan sesuatu menimbulkan kesan. Apabila kita memahami karektor, kita dapat mengetahui akan tindak balas mereka terhadap sesuatu yang akan berlaku. Tindak balas ini yang akan mengerakan plot

dan mencipta sesuatu jangkauan. Adanya watak protagonis iaitu watak utama dalam sesuatu cerita yang membawa konflik dari awal hingga akhir dan semestinya watak yang bernyawa. Manakala watak antagonis adalah watak yang boleh mengubah objektif cerita atau objektif protagonist, dan ianya tidak semestinya benda bernyawa.

*A narrative agent may be more instrumental to the plot. Such agents are totally colorless, without personality. The actions they perform completely explain their narrative purpose.*

(Chatman,1993:5)

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Kajian Kualitatif

Kajian pengkaji adalah mengenai filem komedi di Malaysia dan hanya tertumpu pada tiga orang pengarah sahaja iaitu A. Razak Mohaideen, Aziz M. Osman dan Afdlin Shauki. Pengkaji juga akan menggunakan kajian jenis kualitatif kerana kajian adalah lebih kepada subjektif data iaitu analisis filem-filem tertentu. Kualitatif merupakan kajian yang menfokuskan pada data yang subjektif dan tiada hadnya serta sumber bahan kajiannya termasuklah dalam bentuk penulisan, gambar-gambar, bentuk, gerak-geri dan video. Bagi kajian dalam bidang sains sosial, kualitatif merupakan kajian yang lebih menfokuskan terhadap pandangan seseorang individu itu atau kumpulan bagaimana untuk memahami kehidupan di dunia ini dan pengalaman mereka. *Content analysis* (turut dipanggil *textual analysis*) merupakan kajian metodologi yang biasa digunakan di dalam subjek sains sosial. Earl Babbie ada menyatakan "*the study of recorded human communications, such as books, web sites, paintings and laws*".

#### 3.2 Sampel Kajian

Pengkaji mengambil sampel kajian berdasarkan beberapa filem arahan pengarah-pengarah berkenaan. Pengkaji juga telah menghadkan kajian dan hanya mengkaji sebuah filem komedi dari setiap pengarah di atas. Ini bermakna hanya mengkaji 3 buah filem sahaja. Tajuk filem-filem tersebut ialah *Anak Mami Kembali* arahan A. Razak Mohaideen, *Lagi-lagi Senario* arahan Aziz M. Osman dan *Baik Punya Cilok* arahan Afdlin Shauki. Pengkaji memilih pengarah-pengarah berikut kerana mereka merupakan pengarah yang masih lagi konsinsten dengan penghasilan filem komedi di negara ini. Filem-filem tersebut juga terdapat perbezaan yang nyata. Walaupun mereka bertiga menghasilkan filem-filem bergenre komedi, namun terdapat perbezaan dari segi filem-filem yang dihasilkan oleh mereka bertiga.

### 3.3 Hasil Kajian

Komedi yang dapat dikategorikan sebagai *slapstick*, *black comedy*, *verbal comedy*, *screwball comedy* dan sebagainya sedikit-sebanyak dapat dikenalpasti dalam ketiga-tiga filem itu. Filem *Anak Mami Kembali* contohnya, dapat lihat komedi *slapstick* yang digunakan dalam pengarahannya A. Razak Mohaideen. Pengkaji tidak nafikan hampir keseluruhan filem komedi arahnya terdapat unsur *slapstick*. Mungkin beliau suka dengan cara begitu dan berpendapat komedi sebegitu boleh menarik minat penonton untuk menonton filem-filem arahnya. Namun begitu, bagi filem arahan Afdlin Shauki iaitu *Baik Punya Cilok*, ia ternyata berbeza dengan filem arahan A. Razak Mohaideen. Filem arahan Afdlin lebih tertumpu pada naratif dan plot-plot yang mampu menarik minat penonton dan ia memang menghiburkan. Pengkaji dapat labelkan filem-filem Afdlin lebih kepada komedi yang intelek dan sedikit *screwball comedy*. Afdlin yang suka menggunakan teknik *flashback* di dalam filem-filemnya memang begitu kreatif sekali dan berkesan. Tema yang digunakan oleh A. Razak Mohaideen berkisar tingkah-laku orang Utara kebiasaannya. Perkara yang sering berlaku di kalangan rakyat contohnya pertengkaran di dalam sesebuah keluarga. Bagi Afdlin, beliau lebih menekankan pada keadilan dan hak sesama manusia. Filem *Baik Punya Cilok* contohnya, Wak ingin kembali kerongsangnya akibat undang-undang yang tidak adil oleh tauke kedai pajak gadai iaitu Tauke Wong.

Banyak kriteria yang boleh dianalisis dalam filem-filem tersebut. Salah-satunya dialog yang digunakan. Bagi filem *Anak Mami Kembali*, hampir keseluruhan filem menggunakan dialog utara iaitu Pulau Pinang. Ini mungkin disebabkan identiti yang ingin ditekankan oleh pengarah itu sendiri. Filem *Lagi-lagi Senario* pula, kebanyakan dialog yang digunakan adalah dialek yang biasa dan dapat kita dengar loghat di bandar Kuala Lumpur. Manakala bagi filem *Baik Punya Cilok*, dialog itu ditekankan pada setiap watak. Maksudnya, setiap watak itu mempunyai dialog dan stail masing-masing. Terdapat juga beberapa ciri *screwball comedy* dalam filem *Anak Mami Kembali* contohnya komedi romantik.

Dari segi watak dan lakonan, pengkaji gemar akan filem *Baik Punya Cilok*. Setiap watak itu mempunyai peranan masing-masing dan mereka semua telah

membawa watak dengan begitu baik sekali. Contohnya watak Awie di dalam filem tersebut yang merupakan seorang yang berbadan tegap dan gagah tetapi hatinya lembut dan beremosi seperti seorang wanita. Wataknya yang suka membaca novel-novel cinta telah membuatkan setiap dialog yang diungkapkan mempunyai ungkapan-ungkapan tersirat yang biasanya dapat dijumpai di dalam penulisan novel cinta. Dari segi teknik kamera yang digunakan, filem *Lagi-lagi Senario* dan *Baik Punya Cilok* lebih baik dan berkesan daripada filem *Anak Mami Kembali*. Teknik kren ada digunakan dalam filem *Lagi-lagi Senario* iaitu pada *establishing shot* gerai makanan pada permulaan cerita. Bagi filem *Baik Punya Cilok* teknik *low angle* digunakan pada *scene* tempat pengkalan orang jahat. Teknik kesan khas yang baik juga dapat menarik penonton contohnya ikan arowana (*Baik Punya Cilok*) yang besar dari kebiasaan. Apabila pancing Wak mengena maka mereka dapat ikan tersebut dan cuba menangkapnya. Terdapat unsur komedi disitu.

### 3.4 Kesimpulan

Berdasarkan data-data yang diperolehi sepanjang kajian ini dibuat, banyak perkara yang telah ketahui berkaitan komedi amnya dan filem khususnya. Namun begitu, banyak lagi yang perlu dipelajari untuk mendapatkan sebuah kajian yang lengkap. Banyak ciri-ciri yang boleh ditemui antaranya *slapstick*, *screwball*, *black* dan *verbal*. Walaupun ramai pengarah cuba mengarah filem komedi, namun tidak banyak filem mereka yang berjaya di layar perak. Mungkin disebabkan naratif cerita yang sudah bosan oleh para penonton dan inginkan perubahan dalam filem komedi terutama yang berbentuk slapstik. Aidlin merupakan salah seorang pengarah filem komedi baru yang kian meningkat dan filem-filemnya mendapat sambutan hangat para penonton. Komedinya yang berbeza dengan filem komedi pengarah lain memang telah membawanya satu perubahan besar dalam industri filem di Malaysia. Oleh itu, tidak hairanlah filem terbarunya *Buli Balik* telah mendapat sambutan yang begitu menggalakkan dari para penonton.